

02/06/2000

Politik wang: Shahidan temui Pak Lah

KANGAR, Khamis - Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim akan menemui Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincang mengenai dakwaan amalan politik wang pada pemilihan Umno, awal bulan ini.

Shahidan berkata, sebelum ini beliau hanya berkesempatan menemui Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi sekadar menyampaikannya secara lisan.

Sehubungan itu, temu janji dengan Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri sudah dibuat bagi tujuan itu.

"Saya mengakui memang ada menemui Perdana Menteri baru-baru ini tetapi hanya bercakap beberapa patah dan belum menyerahkan bukti yang diperlukan berhubung aduan amalan politik wang itu.

"Ini kerana, saya bercadang menyerahkan bukti itu kemudian (bukan hari itu) kepada Perdana Menteri," katanya selepas perjumpaan khas bersama Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di Dewan Kompleks Warisan Negeri di sini, hari ini.

Shahidan diminta mengulas mengenai kenyataan Abdullah semalam bahawa beliau dan Dr Mahathir belum menerima laporan berhubung amalan politik wang.

Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno berkata, tanpa aduan, jawatankuasa itu tidak boleh membuktikan politik wang benar-benar berlaku dan mengambil tindakan terhadap ahli terbabit.

(END)